

PROFIL



Tun Fatimah Hashim

- **Tarikh lahir:** 25 Disember 1924
- **Asal:** Kampung Parit Kurma, Muar, Johor.
- **Sekolah:** Sekolah Laki-Laki Parit Kurma; Sekolah Perempuan Mersing; Sekolah Latihan Guru.
- **Suami:** Allahyarham Tan Sri Abdul Kadir Yusof (bekas Menteri Undang-Undang; Menteri Tanah dan Peguam Negara)
- **Keluarga:** Enam anak, 18 cucu dan tujuh cicit.
- **Anak:** Datin Mariam (bekas Ketua Pengarah Perpustakaan Negara); Mohamed Shah (bekas Pengerusi Eksekutif dan Rakan Niaga McDonald's Malaysia); Datuk Prof Dr Khalid (bekas Dekan Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia yang kini Dekan Perubatan Universiti Monash Malaysia); Datuk Ali (Pengerusi Dubai Investment Group); Abdul Karim (bekas penasihat syarikat swasta) dan Fariadah (bekas penasihat di sebuah bank).

Kejayaan

- Wanita pertama negara dilantik sebagai menteri - Menteri Kebajikan Am (1969 - Mac 1973)
- Wanita pertama negara menerima Anugerah Panglima Mangku Negara (PMN) (31 Ogos 1958)
- Ketua Pergerakan Kaum Ibu/Wanita Umno (1956-1972) (nama itu ditukar kepada Wanita Umno pada 1972)
- Ahli Parlimen Jitra/Padang Terap (tiga penggal bermula 1959)
- Pengasas dan Yang Dipertua NCWO (1962 - 1989)

Fatimah rela diejek demi merdeka

Menteri wanita pertama jahit baju kurung Johor rai hari bersejarah



Oleh Hasliza Hassan

MELIHAT hayunan tangan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang diiringi laungan 'Merdeka' dengan penuh semangat pada pagi bersejarah 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka, membuatkan bulu roma Ketua Pergerakan Kaum Ibu Malaya (kini Pergerakan Wanita Umno), Tun Fatimah Hashim, 82, meremang.

Malah, beliau yang berdiri di kalangan barisan kepimpinan parti ketika itu seakan tidak percaya mimpi untuk melihat Malaya merdeka akan menjadi kenyataan dan paling manis kejayaan itu dicapai tanpa pertumpahan darah walaupun tidak dinafikan banyak nyawa terkorban akibat kejayaan tentera Jepun dan komunis.

"Ketika Tunku melaungkan Merdeka, saya dalam perasaan sayu, sedih dan mengalir air mata kegembiraan sempat juga berkata kepada diri sendiri, tidak sangka berjaya juga kita dapat merdeka tanpa perlu perang dan pertumpahan darah," katanya dengan suara dan semangat yang sama dirasakan 50 tahun lalu.

Fatimah yang ditemui di rumahnya di ibu negara mengaku bulu romanya naik (sambil mengangkat dua bahu dan mendepakan tangannya ke depan) tatkala bercerita mengenai pengalaman pada pagi yang menjadi titik tolak kepada pembangunan sebuah negara dan peristiwa itu akan segar terbayang setiap kali duduk menonton sambutan kemerdekaan di televisyen.

Katanya, semangat kemerdekaan tidak pernah luntur dari dirinya dan kuatnya perasaan itu mungkin disebabkan beliau pernah melalui pelbagai kesukaran serta melihat sendiri penderitaan diharungi rakyat ketika berjuang bersama Tunku Abdul Rahman dan pemimpin lain.

Bagaimanapun naluri kewanitaan yang sentiasa mahu hari istimewa disambut dalam suasana meriah, beliau turut memastikan kehadirannya di Stadium Merdeka dengan baju kurung Johor baru yang dijahit khas untuk dipakai sempena hari bersejarah itu.

Meniti perjuangan anak kelahiran Parit Kurma, Muar, Johor itu, beliau menyertai Umno pada 1947 ketika berusia 21 tahun kerana ingin meninggikan taraf hidup rakyat miskin, selain sudah tidak sanggup melihat ramai wanita meninggal dunia ketika melahirkan anak disebabkan terlalu banyak kekurangan.

Beliau menganggotai Pergerakan Kaum Ibu Umno cawangan Kampung Nong Chik, Johor Bahru, dan memegang jawatan bendahari sebelum dilantik Setiausaha Kaum Ibu Cawangan Johor Bahru. Pada 1956, beliau yang mengikut suaminya Allahyarham Tan Sri Abdul Kadir Yusof bertugas di Perak, dipilih menjadi Ketua Pergerakan Kaum Ibu Negeri Perak dan pada masa sama memegang jawatan Ketua bahagian Ipoh.

Kemudian, beliau dilantik Ketua Pergerakan Kaum Ibu Malaya yang menyaksikan pembabitan secara aktif memberi penjelasan mengenai perjuangan parti mendapatkan kemerdekaan hingga berjaya membawa wanita



DETIK BERSEJARAH: Fatimah menaburkan beras kunyit tanda ucapan tahniah kepada Tun Razak yang dilantik sebagai Perdana Menteri di Kuala Lumpur pada September 1970, sambil diperhatikan Tunku Abdul Rahman Putra.

muda membabitkan diri dalam bidang politik, sekali gus menyertai Umno.

Fatimah berkata, ketika aktif mengajak rakyat terutama golongan wanita menyertai Umno, beliau pernah digelar 'ibu ayam' oleh mereka yang tidak faham usaha dilakukannya itu tetapi beliau tidak kisah dengan gelaran kerana tahu dirinya pada pihak benar.

"Saya tidak lawan mereka. Buat apa nak lawan dengan orang bodoh kerana jika kita lawan, kita bodoh sama. Orang ejek saya kerana tidak faham. Tetapi tengok hari ini, semangat serta usaha perjuangan 'ibu ayam' inilah kita bakal sambut kemerdekaan negara yang ke-50 tahun," katanya.

Beliau berkata, indahnya perjuangan zaman dulu ialah semangat pemimpin untuk berkhidmat kepada negara yang sudah merdeka tidak pernah berhenti dan Wanita Umno waktu itu bekerja tidak mengikut musim tetapi sentiasa bergerak di sebalik pelbagai kekurangan.

Pembabitannya dalam politik diteruskan

dan pada 1959, beliau yang berpindah mengikut suami ke Kedah dipilih menjadi calon pilihan raya bagi kawasan Jitra-Padang Terap. Beliau menang sebanyak dua kali lagi menjadikannya Ahli Parlimen bagi kawasan berkenaan untuk tiga penggal berturut-turut.

Pada 20 Mei 1969, Fatimah dilantik menjadi Menteri Kebajikan Am, wanita pertama menjawat jawatan menteri Kabinet. Beliau memegang jawatan itu selama empat tahun sehingga bersara pada Februari 1973.

Sebagai Menteri Kebajikan Am, beliau membuat banyak lawatan ke negara jiran, diundang memberi ucapan dan ceramah dalam seminar forum dan persidangan dalam negara mahupun di luar.

Berkongsi perasaan menantikan kedatangan 31 Ogos bagi meraikan 50 tahun kemerdekaan negara, Fatimah yang berhadapan dengan masalah kesihatan dan terpaksa menelan 29 pil setiap hari melahirkan kesyukuran serta perasaan tidak sabar untuk melihat sambutan kali ini yang pastinya

lebih meriah.

Katanya, selepas bersara, kali terakhir beliau hadir sama pada majlis sambutan hari merdeka ialah empat tahun lalu sebagai memenuhi permintaan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, yang beriya-iyah mahukan beliau melihat sendiri acara sambutan yang kali pertama diadakan di Putrajaya.

Hingga hari ini pun beliau masih menerima jemputan meraikan hari merdeka dan jemputan acara anjuran kerajaan yang lain. Bagaimanapun disebabkan faktor kesihatan, beliau tidak dapat memenuhi undangan itu. Tetapi beliau tetap meraikan sambutan hari kemerdekaan di rumah, di depan televisyen.

"Yang penting, rasa bangga dan semangat itu masih kuat. Semangat itu dikongsi anak cucu saya, kerana saya selalu bercerita kepada mereka makna kemerdekaan serta perjuangan dilalui generasi dulu," katanya.



TOKOH WANITA: Fatimah (tiga dari kiri) berucap pada majlis kursus kaum ibu Umno, Seberang Perai Selatan pada Ogos 1965.

“Indahnya perjuangan zaman dulu ialah semangat pemimpin untuk berkhidmat kepada negara yang sudah merdeka tidak pernah berhenti dan Wanita Umno sentiasa bergerak di sebalik pelbagai kekurangan”

Fatimah Hashim
Bekas Menteri Kebajikan Am